

LAMPIRAN

METODOLOGI PENYELIDIKAN

PROSES PENYELIDIKAN

Berdasarkan teori dan praktik dalam penelitian sains, proses penyelidikan yang dilakukan oleh peneliti dalam mencapai tujuan penelitian dapat diuraikan sebagai berikut:

1. **Identifikasi masalah**: Peneliti mencari dan menentukan masalah yang perlu diteliti.

2. **Perumusan hipotesis**: Peneliti menyatakan permasalahan dalam bentuk hipotesis yang akan diujicobakan.

3. **Penentuan metode penelitian**: Peneliti memilih teknik dan metode penelitian yang sesuai dengan tujuan penelitian.

4. **Koleksi data**: Peneliti mengumpulkan data yang diperlukan untuk mendukung penelitian.

5. **Pengolahan dan analisis data**: Peneliti memproses dan menganalisis data yang telah dikoleksi.

6. **Interpretasi hasil**: Peneliti memberikan makna dan arti pada hasil penelitian.

7. **Penulisan laporan**: Peneliti menyusun laporan penelitian dalam bentuk tulisan.

8. **Penerapan hasil**: Peneliti mempresentasikan hasil penelitian kepada masyarakat dan dapat digunakan untuk keperluan tertentu.



BAB TIGA

METODOLOGI PENYELIDIKAN

3.0 PENDAHULUAN

Kajian ini dilakukan di kawasan Kampung Kerinchi, Kuala Lumpur yang terletak kira-kira 10 kilometer dari bandar raya Kuala Lumpur. Kebanyakan penduduknya adalah berketurunan Melayu. Pengkaji telah memilih kawasan tersebut sebagai lokasi kajian kerana ia terletak berdekatan dengan tempat tinggal pengkaji. Lokasi kajian tersebut juga amat bertepatan dengan tajuk kajian kerana kebanyakan penduduknya adalah berketurunan Melayu dan sepatutnya mengetahui tentang tulisan Jawi. Faktor ini juga memudahkan pengkaji untuk membuat kajian dengan pengedaran borang soal selidik dan juga temu bual. Pengkaji juga memilih lokasi tersebut kerana kedudukannya adalah dipinggir bandar raya Kuala Lumpur yang amat sesuai untuk menggambarkan tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu di bandar.

Dalam kajian tersebut, pengkaji telah memilih seramai 117 orang responden yang terdiri daripada golongan kanak-kanak (9-12 tahun), remaja (13-20 tahun), dewasa (21-54 tahun) dan golongan tua (55 tahun ke atas). Pengkaji telah menetapkan bahawa setiap golongan responden tersebut adalah seramai 30 orang. Tetapi bagi golongan tua, pengkaji hanya memperolehi 27 orang responden. Pembahagian yang sekata ini dapat mengukuhkan lagi hasil daripada kajian ini. Ini kerana pengkaji ingin membuat perbandingan antara golongan-golongan tersebut. Selain itu, pengkaji juga telah memilih seramai 67 orang daripada penduduk di situ

sebagai informan dalam sesi temu bual yang dijalankan oleh pengkaji selama 5 hari. Temu bual tersebut dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lanjut berkenaan dengan faktor-faktor tulisan Jawi dipinggirkan oleh masyarakat Melayu hari ini.

3.1 METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah merupakan kaedah-kaedah yang telah digunakan oleh pengkaji dalam kajiannya. Dalam bab ini, aspek-aspek utama yang akan dibincangkan adalah berkaitan dengan latar belakang tempat kajian, sampel kajian, teknik kajian, prosedur kajian dan juga cara yang digunakan dalam penganalisisan data.

3.1.1 Latar belakang tempat kajian

Kampung Kerinchi terletak di dalam kawasan Parlimen Lembah Pantai, Kuala Lumpur. Kampung Kerinchi mempunyai keluasan 16 hektar dan terletak dipinggir Kuala Lumpur. Lokasi Kampung Kerinchi adalah bersempadan dengan Petaling Jaya, Selangor. Pada asalnya, Kampung Kerinchi merupakan kawasan setinggan. Majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu. Kampung ini juga menjadi tumpuan bagi mereka yang berhijrah daripada desa ke bandar.

Menurut seorang penduduk di Kampung Kerinchi iaitu Halijah binti Pandak Musim, penduduk asal Kampung Kerinchi adalah orang yang berasal dari Jambi, Sumatera Barat. Pada mulanya mereka ini tinggal di rumah-rumah setinggan. Sekarang ini, penduduk Kampung Kerinchi adalah kira-kira seramai 10,000 orang.

Penduduk Kampung Kerinchi sekarang ini kebanyakannya terdiri daripada golongan Melayu yang datang dari seluruh pelusuk negeri. Selain itu, penduduk di sini juga terdiri daripada pelbagai keturunan dan bangsa seperti Jawa, Banjau, Cina, India dan warga asing.

3.1.2 Sampel Kajian

Pada asasnya, sampel membolehkan maklumat diperoleh daripada sebahagian daripada kumpulan yang lebih besar. Kumpulan yang lebih besar ini dikenali sebagai populasi. Sampel bagi kajian yang dijalankan oleh pengkaji ialah penduduk-penduduk Kampung Kerinchi Kuala Lumpur yang mewakili populasi keseluruhan penduduk bandar raya Kuala Lumpur.

Prinsip persampelan yang diamalkan adalah berdasarkan konsep kebarangkalian dan setiap elemen yang dipilih mempunyai peluang yang sama (Syed Arabi Idid, 1998:45). Justeru itu, dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan kaedah persampelan kebarangkalian iaitu kaedah persampelan secara rawak. Kaedah persampelan secara rawak ini telah memudahkan pengkaji untuk membuat kajian kerana setiap unsur itu sama-sama mempunyai kemungkinan untuk dipilih. Peter H. Mann (1968) juga mengakui hakikat ini dengan mengatakan:

"it stresses the basic point of everyone (or everything) having the same chance".

(Mann, 1968:103)

Kaedah ini juga adalah merupakan satu cara untuk menghapuskan atau mengelakkan sebarang “bias” yang boleh mengancam kewakilan sampel tersebut (Syed Arabi Idid, 1998:56).

Sampel bagi kajian ini adalah terdiri daripada responden-responden dan juga informan-informan. Responden-responden bagi kajian ini adalah terdiri daripada penduduk-penduduk di sekitar Kampung Kerinchi yang telah mengisi borang soal selidik yang telah diedarkan. Pengkaji telah memilih seramai 117 orang responden secara rawak yang terdiri daripada kaum lelaki dan wanita yang meliputi semua golongan masyarakat iaitu kanak-kanak (9-12 tahun), remaja (13-20 tahun), dewasa (21-54 tahun) dan juga golongan tua (55 tahun ke atas).

Manakala informan-informan dalam kajian ini pula adalah merupakan penduduk-penduduk di sekitar Kampung Kerinchi yang telah ditemui bual oleh pengkaji. Informan-informan tersebut juga telah dipilih secara rawak adalah seramai 67 orang. Mereka telah memberikan maklumat-maklumat dengan lebih terperinci mengenai faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu kini melalui temu bual yang telah dilakukan oleh pengkaji. Temu bual yang telah dijalankan itu telah dirakamkan oleh pengkaji untuk memudahkan pengkaji mendengar semula pendapat-pendapat mereka untuk ditranskripkan.

Kesemua informan tersebut adalah terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan yang meliputi semua peringkat umur iaitu kanak-kanak (9-12 tahun), remaja (13-20 tahun), dewasa (21-54 tahun) dan hanya sebilangan kecil sahaja golongan tua (55 tahun ke atas). Pengkaji telah memilih golongan responden dan informan daripada semua golongan masyarakat kerana pengkaji ingin mendapatkan

maklumat daripada semua golongan masyarakat Melayu kini mengenai tulisan Jawi.

3.1.3 Teknik Kajian

(a) Soal Selidik

Soal selidik adalah merupakan teknik yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data yang diperlukan melalui pengedaran borang-borang soal selidik kepada responden. Soal selidik juga boleh dianggap sebagai satu usaha menyampaikan rangsangan bagi mendapatkan jawapan daripada responden (Syed Arabi Idid, 1998:87). Soal selidik mengandungi soalan-soalan yang disusun secara teratur untuk diajukan kepada responden oleh pengkaji. Soal selidik ini adalah merupakan satu teknik yang penting bagi pengkaji kerana kualiti atau mutu soal selidik akan menentukan nilai penyelidikan pada keseluruhannya. Pengkaji juga telah mengumpulkan segala maklumat yang diperolehi berdasarkan kepada borang soal selidik tersebut.

Soal selidik ini adalah bertujuan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai latar belakang responden, persepsi mereka terhadap tulisan Jawi, tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu dan juga usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca.

Terdapat item-item dalam soal selidik ini yang berkaitan dengan latar belakang responden-responden kajian dan juga keluarga mereka. Item-item ini memerlukan responden-responden memberikan maklumat tentang taraf pendidikan

responden dan ibu bapa mereka, jantina dan umur.

Terdapat juga item-item yang berkaitan dengan persepsi mereka terhadap tulisan Jawi. Item-item tersebut disediakan untuk mendapatkan jawapan responden berkenaan dengan pandangan mereka tentang tulisan Jawi dan kepentingan-kepentingan tulisan Jawi bagi masyarakat Melayu.

Item-item yang berkaitan dengan penggunaan tulisan Jawi di kalangan mereka pula meliputi kekerapan mereka menggunakan tulisan Jawi sama ada di dalam kelas, di rumah, penggunaannya di papan-papan tanda sama ada di sekitar kediaman atau di sekolah, penggunaan tulisan Jawi di buku-buku dengan menuliskan nama mereka menggunakan tulisan Jawi. Selain itu, item-item tersebut juga berkaitan dengan penggunaan tulisan Jawi dengan menulis nota-nota agama Islam dengan menggunakan tulisan Jawi.

Maklum balas juga diperoleh melalui responden-responden kajian untuk mengetahui tentang usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca. Contohnya ialah seperti kebiasaan mereka membaca bahan bercetak dalam edisi Jawi, mengulang kaji mata pelajaran Jawi di rumah, menghadiri kelas-kelas khas dan juga mempelajari tulisan Jawi di surau-surau atau madrasah-madrasah. Selain itu, terdapat juga item-item mengenai minat masyarakat terhadap tulisan Jawi dan juga tahap penguasaan al-Quran di kalangan mereka.

(b) Temu bual

Pengkaji juga telah mengadakan sesi temu bual dengan informan-informan kajian. Temu bual adalah merupakan cara yang dilakukan oleh pengkaji untuk mendapatkan keterangan secara lisan daripada informan dengan cara komunikasi secara bersemuka. Temu bual bersemuka merupakan satu kegiatan atau perbuatan komunikasi yang di dalamnya penemu bual mengemukakan soalan dengan tujuan memperoleh maklumat daripada informan (Syed Arabi Idid, 1998:69). Kaedah ini juga dapat membantu pengkaji dalam membuat penyelidikan di kawasan tersebut. Soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji adalah secara spontan yang berkaitan dengan faktor-faktor tulisan Jawi dipinggirkan oleh masyarakat kini.

Pengkaji telah menemu bual penduduk di kawasan Kampung Kerinchi yang merupakan sampel bagi pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat dengan lebih mendalam dan terperinci. Pengkaji telah menemu bual informan-informan untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai faktor-faktor tulisan Jawi dipinggirkan oleh masyarakat Melayu sekarang ini secara lebih mendalam dan terperinci.

(c) Pemerhatian

Pemerhatian juga adalah salah satu teknik yang telah digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat-maklumat kajian. Pengkaji telah memerhatikan sendiri ke atas sampel kajian iaitu penduduk-penduduk kampung Kerinchi tentang sejauhmanakah penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat tersebut. Pengkaji yang berada dalam masyarakat tersebut adalah lebih memahami

situasi yang berlaku dalam masyarakat kajian. Oleh itu, ia akan dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian.

3.1.4 Prosedur Kajian

Pada peringkat awal, pengkaji membuat pemerhatian ke atas sampel kajian iaitu penduduk Kampung Kerinchi. Dalam bentuk penyelidikan ini, pengkaji akan memerhatikan satu bidang yang menjadi bahan permasalahannya (Syed Arabi Idid, 1998:129). Oleh itu, melalui kaedah ini pengkaji telah memerhatikan sendiri bagaimanakah penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat atau penduduk Kampung Kerinchi. Pengkaji yang berada atau menjadi ahli dalam masyarakat kajian akan lebih memahami apa yang sedang berlaku dalam masyarakat tersebut. Pengkaji dapat bergaul dan memerhatikan keadaan yang sebenarnya berlaku dalam masyarakat kajian. Keadaan seperti ini secara tidak langsung telah memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklum balas dan kerjasama daripada mereka. Dengan itu, secara tidak langsung juga telah dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara pengkaji dan penduduk sekitar kawasan tersebut.

Selepas itu, pengkaji telah mengedarkan borang-borang soal selidik untuk diisi oleh responden. Sebelum mengisi borang tersebut, pengkaji telah menerangkan objektif-objektif kajian tersebut dijalankan dan sedikit sebanyak tentang tulisan Jawi kepada responden-responden kajian.

Apabila selesai mengisi borang-borang soal selidik tersebut, pengkaji menemu bual informan-informan kajian untuk mendapatkan maklumat-maklumat mengenai faktor-faktor tulisan Jawi ini dipinggirkan. Pengkaji menggunakan

rakaman kaset supaya data yang diperolehi tidak hilang dan pengkaji dapat membuat transkrip dengan lebih baik.

Akhir sekali pengkaji telah mengumpul data yang diperolehi untuk dianalisis.

3.1.5 Analisis Data

Data yang diperolehi telah dianalisis secara manual oleh pengkaji.

Data tersebut telah dianalisis berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji iaitu :

- Tahap penggunaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat.
- Tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu iaitu tahap kemahiran menulis atau membaca.
- Persepsi masyarakat Melayu terhadap tulisan Jawi.
- Faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu.
- Usaha-usaha yang dilakukan oleh masyarakat Melayu untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi.

Maklumat-maklumat tersebut telah diperolehi melalui pengedaran borang soal selidik dan juga sesi temu bual serta pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga telah menggunakan perisian "*Microsoft Excel*" bagi melakarkan graf-graf dan carta pai hasil daripada kajian ini.

Dengan itu, pengkaji telah menganalisis data tersebut secara manual berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah dikemukakan dengan cara

yang kemas dan tersusun selain daripada menggunakan perisian *Microsoft Excel*. Pengkaji juga telah mengemukakan graf-graf, carta pai dan jadual-jadual supaya hasil kajian dapat dilihat dan difahami dengan lebih terang dan jelas.

Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah analisis data secara kuantitatif dan juga kualitatif.

(a) Kaedah Kuantitatif

Kajian kuantitatif dilakukan bagi melihat kekerapan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, kaedah ini juga digunakan untuk menilai persepsi masyarakat Melayu terhadap tulisan Jawi. Dengan menggunakan kaedah kuantitatif ini, pengkaji terlebih dahulu mengesan penggunaan tulisan Jawi ini di kalangan mereka melalui aktiviti-aktiviti yang telah ditetapkan dan telah dikemukakan dalam soal selidik. Melalui soal selidik yang telah dikemukakan itu, pengkaji kemudiannya mengenal pasti tahap penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi serta persepsi mereka terhadap tulisan Jawi dengan menentukan jumlahnya secara manual. Jumlah yang diperolehi telah dikira secara manual oleh pengkaji untuk mendapatkan nilai peratusannya. Kaedah ini diperlukan untuk mendapatkan bukti kekerapan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi di kalangan masyarakat Melayu serta persepsi masyarakat Melayu terhadap tulisan Jawi.

(b) Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif ini merujuk kepada penganalisisan data yang dibuat bagi mengenalpasti faktor-faktor tulisan Jawi ini dipinggirkan oleh masyarakat dan juga usaha-usaha yang dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca. Dengan berpandukan kepada soal selidik yang telah dikemukakan dan temu bual yang telah dijalankan oleh pengkaji, pengkaji dapat mengesan faktor-faktor pemunggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu serta usaha-usaha yang telah dilakukan untuk meningkatkan tahap penguasaan tulisan Jawi.

(c) Bahan-bahan lain

Bagi mendapatkan maklumat-maklumat mengenai latar belakang responden, soal selidik telah dikemukakan. Melalui soal selidik, pengkaji dapat mengetahui latar belakang keluarga responden, tahap penggunaan serta tahap penguasaan tulisan Jawi di kalangan mereka sama ada menulis atau membaca serta persepsi mereka terhadap tulisan Jawi. Selain itu, pengkaji juga mengadakan temu bual untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih terperinci tentang faktor-faktor tulisan Jawi dipinggirkan oleh masyarakat Melayu sekarang. Pengkaji juga telah melakukan pemerhatian ke atas responden-responden di sekitar lokasi kajian.

Selain itu, pengkaji juga telah menjalankan kajian perpustakaan untuk mendapatkan maklumat tentang kajian-kajian yang berkaitan dengan tulisan Jawi sama ada kajian yang dilakukan oleh pengkaji-pengkaji Barat ataupun pengkaji-pengkaji di Malaysia seperti dengan merujuk kepada buku-buku, tesis dan juga

jurnal-jurnal. Dengan berdasarkan kepada kajian perpustakaan tersebut, pengkaji dapat memahami tahap-tahap perkembangan kajian tulisan Jawi ini.

3.2 KESIMPULAN

Justeru itu, terdapat pelbagai cara untuk menjalankan kajian sama ada kajian perpustakaan atau kajian lapangan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan juga kajian lapangan. Teknik-teknik kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian lapangan tersebut ialah soal selidik dan juga temu bual. Temu bual tersebut telah dirakamkan oleh pengkaji untuk memudahkan penganalisisan data. Selain itu, pemerhatian juga telah dilakukan oleh pengkaji di sekitar lokasi kajian. Responden-responden dan informan-informan yang telah dipilih dalam kajian ini ialah penduduk-penduduk di sekitar Kampung Kerinch.

Data dianalisis secara manual berdasarkan kepada objektif-objektif kajian yang telah dikemukakan. Kaedah analisis data yang digunakan adalah berdasarkan kepada kaedah kuantitatif iaitu mencari perangkaan dan peratus daripada data yang diperolehi untuk membuktikan kebenaran perbincangan tentang kekerapan penggunaan dan penguasaan tulisan Jawi serta persepsi masyarakat terhadap tulisan Jawi. Kaedah kualitatif turut digunakan bagi menganalisis data yang berkaitan dengan faktor-faktor peminggiran tulisan Jawi oleh masyarakat Melayu serta usaha-usaha yang telah dilakukan oleh mereka untuk meningkatkan lagi tahap penguasaan tulisan Jawi sama ada menulis atau membaca.

Dengan perkaedahan yang telah dibincangkan dalam bab ini, maka dapatlah mencari atau menemui hasil dapatan kajian yang akan dibincangkan dalam Bab 4 berikutnya.